

# UPM pamer taring

■ Muncul juara Terbuka Wanita, bawa pulang piala pusingan, RM1,500, pingat

Oleh Syed Ismail Syed Abu Bakar  
sukan@mediaprima.com.my  
Georgetown

Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai kategori Wanita Terbuka pada saingan final Pesta Bola Jaring Antarabangsa Universiti Sains Malaysia (USM) edisi ke-23 di Stadium USM, baru-baru ini.

Pasukan UPM berjaya mengetepikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), pada final yang turut disaksikan isteri Yang Di-pertua Negeri Toh Puan Majimor Shariff merangkap penangung pesa itu.

Kemenangan itu membolehkan UPM menerima piala pusingan, wang tunai RM1,500, pingat dan hadiah



BARISAN pemain UPM ceria meraikan kejayaan muncul juara wanita terbuka di Stadium USM, Minden. FOTO: SYED ISMAIL SYED ABU BAKAR

sampingan yang disampaikan Majimor. Lebih manis apa

bila pemain pasukan itu, Nurul Adha Abu Bakar, 20, (gambar) dinobatkan Pemain Terbaik kejohan.

Tempat ketiga dan keempat dikongsi pasukan Legend dan The Legend dari Kuala Lumpur yang ma-

sing-masing menerima wang tunai RM350 dan pingat.

Sementara itu, aksi ber-



PEMAIN Legend A bangga muncul juara kategori lelaki.

## FAKTA

Kejohan turut disertai pasukan luar negara termasuk Sri Lanka, Australia dan Singapura

tenaga dan persembahan konsisten menjadi ramuan terbaik pasukan

Legend A apabila muncul juara kategori Lelaki selepas menewaskan Royale dari Kuala Lumpur.

Pasukan Kamuning Senior dari Selangor pula menempah sejarah apabila berjaya muncul juara kategori Bawah 12 Tahun perempuan.

Mereka berjaya menewaskan Tarantula pada perlawanan akhir untuk membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM400, pingat dan hadiah sampingan.

Kejohan kali ini turut disertai pasukan luar negara termasuk dari Sri Lanka, Australia dan Singapura.